



KEMENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

**KONVENSYEN PEMBANGUNAN BELIA
MENEROKA GENERASI 2057**

**PENGALAMAN MENGURUS
PEMBANGUNAN BELIA**

Oleh :

DATO' HJ. FATHUL RAZI BIN HJ. BAKRI
KETUA PENGARAH
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA



PENGALAMAN MENGURUS PEMBANGUNAN BELIA

Oleh:

Dato' Hj. Fathul Razi bin Hj. Bakri

Ketua Pengarah

Jabatan Belia dan Sukan Negara

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

1. Pengenalan

Proses membangunkan belia bukanlah suatu usaha yang mudah tetapi sebaliknya ia memerlukan satu perancangan strategik sama ada yang bersifat jangka masa panjang mahupun jangka masa pendek. Kita sering menggunakan ungkapan bahawa belia adalah pewaris negara atas kesedaran bahawa masa depan negara adalah bergantung kepada generasi belia pada masa kini. Lantaran itu, banyak usaha dan kewangan telah dicurahkan untuk memberi peluang kepada generasi muda ini untuk membuat persediaan mewarisi negara ini. Buktinya bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM5.4 bilion untuk pembangunan belia. Ini adalah peningkatan daripada 4.9 bilion dalam RMK-8. Ia adalah satu tambahan yang banyak berbanding dengan hanya RM 2.1 bilion dalam RMK-6 dan RM 2.7 bilion dalam RMK-7.

Namun harus disedari bahawa usaha pembangunan belia bukanlah satu perkara yang mudah. Generasi belia kita bukanlah seragam tetapi pelbagai ragam. Kita mempunyai belia bandar, belia berpendidikan, belia luar bandar, belia dari golongan berpendapatan rendah, belia yang dibesarkan sebagai anak yatim dan pelbagai lagi. Namun realiti semasa dalam era globalisasi kini mengkehendaki setiap daripada kita sama ada pembuat dasar, pelaksana, penyelidik dan pemimpin belia supaya terus berusaha untuk melahirkan generasi belia yang berdaya saing tanpa mengambil kira latar belakang sosiobudaya mereka. Ini kerana usaha pembentukan generasi belia pada masa hadapan khususnya bagi mengisi tempoh 50 tahun mendatang sehingga 2057 adalah amat penting kerana kita bakal menentukan sama ada mereka akan mewarisi apa yang ada sekarang atau dapat melipat gandakan nilai yang diwarisnya.

2. Latar Belakang Pengurusan Belia di Malaysia

Proses pengurusan belia dinegara ini telah berlangsung semenjak sekian lamanya iaitu semenjak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi, namun pada masa itu usaha-usaha penyelarasan setiap fungsi dan pelan pembangunan belia berlangsung secara tidak jelas tanpa koordinasi yang jitu daripada pihak kerajaan. Menyedari akan hal tersebut maka kerajaan berikutan kegiatan belia secara berpersatuan yang

semakin berkembang dan bagi tujuan memupuk serta membantu perkembangan tersebut, Bahagian Belia telah ditubuhkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada tahun 1964 dan pada tahun 2000 proses gerakan belia di negara ini terus mengalami transformasi apabila Bahagian Belia telah diletakkan pentadbirannya di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negara yang baru ditubuhkan dan ia dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Belia.

Selain itu, bagi menjayakan usaha pembangunan belia, KBS telah menetapkan visi dan misi dan objektif pembangunan belianya seperti mana berikut:

Visi

Ke arah mewujudkan masyarakat belia yang memiliki keperibadian yang bersepadu dari segi rohani, akhlak dan jasmaniah, bertanggungjawab, bersemangat sukarela dan patriotik untuk menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Misi KBS

Menyediakan Program Pembangunan Belia dan Sukan supaya dapat memberi sumbangan terbaik ke arah pembinaan bangsa dan negara Malaysia yang cemerlang dalam pelbagai bidang, khususnya bagi:-

- i. Meningkatkan pembangunan generasi muda ke arah mewarisi dan mengangkat peradaban bangsa dan negara; dan
- ii. Pembangunan sukan untuk individu dan masyarakat.

Objektif KBS

. "Untuk membina masyarakat belia yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan bergerak maju dalam bidang sosial dan ekonomi serta untuk membina masyarakat yang sihat, cergas dan berbudaya sukan ke arah perpaduan dan pembangunan negara."

Strategi KBS

Strategi KBS bagi mencapai visi, misi dan objektif pembangunan belia adalah seperti berikut:

- i. Memberi penekanan kepada perubahan minda dan sikap ke arah membentuk generasi belia yang bertanggungjawab, dinamik, dan

mempunyai daya kepimpinan yang baik melalui pelbagai program yang diadakan di peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa; dan

- ii. Melengkapkan golongan belia dengan pelbagai latihan dan kemahiran vokasional serta sifat-sifat keusahawanan supaya mereka berdikari melalui kursus secara formal di Institut kemahiran Belia Negara (IKBN).

Sementara itu, bagi memastikan bahawa visi, misi dan objektif serta strategi pembangunan belia sebagaimana yang telah digariskan oleh KBS tercapai, peranan tersebut telah digerakkan oleh Bahagian Pembangunan Belia. Objektif penubuhan penubuhan bahagian ini adalah untuk mewujudkan belia malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhlak dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari bersemangat sukarela dan patriotik, serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan wawasan 2020. Visi, Misi dan Fungsi Bahagian Pemoangan Belia adalah seperti mana berikut:

VISI

Masyarakat Belia yang wujud pada tahun 2010 akan mempunyai pelbagai pengetahuan, kemahiran, mengamalkan nilai-nilai murni melalui gaya hidup berkualiti serta menampilkan semangat patriotisme dan kesukarelaan yang tinggi bagi menghadapi cabaran globalisasi sebagai penyumbang utama dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara.

MISI

Membina generasi belia yang berketrampilan, keusahawanan, kemahiran dan pengurusan organisasi dengan pemupukan nilai-nilai murni dan gaya hidup berkualiti bagi memperkukuhkan integrasi nasional dan identiti bangsa malaysia selaras dengan wawasan 2020.

FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA

- i. Menyediakan program keilmuan dan latihan kepada generasi muda yang dianjurkan bersama oleh sektor awam, swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan.
- ii. Mengukuhkan program pembangunan kepimpinan dan bina sahsiah bagi membina kekuatan diri, institusi kekeluargaan, keagamaan dan kemasyarakatan supaya generasi belia dapat berperanan dengan berkesan.
- iii. Memantapkan program latihan kemahiran, peluang perniagaan dan keusahawanan supaya generasi belia mampu berdikari dan membina

- kerjaya yang cemerlang.
- iv. Mengupayakan pertubuhan belia supaya dapat menarik minat golongan belia dan masyarakat menyokong dan menyertai aktiviti yang dianjurkan.
 - v. Menyediakan peluang dan kemudahan kepada golongan belia untuk rmemajukan diri dalam bidang sosial dan ekonorni.
 - vi. Meningkatkan semangat kesukarelaan dan patriotisme melalui kerja-kerja amal, kebajikan dan kemasyarakatan.
 - vii. Memberi kefahaman generasi belia tentang konsep persejagatan (globalisasi) dan kepentingan hubungan mereka dengan agensi kerajaan.
 - viii. Menyediakan prasarana dan mekanisme yang sesuai bagi kegiatan penyelidikan belia termasuk pernantauan dan penilaian.

Selain daripada Bahagian Pembangunan Belia, Bahagian Rakan Muda turut memainkan peranan yang aktif dalam membangunkan belia di negara ini dengan memberi fokus kepada mereka yang berada dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 24 tahun.

Menyedari bahawa usaha membangunkan belia di negara ini harus dilakukan secara bersepadu dengan lain-lain pihak sama ada swasta mahupun sektor sukarela, KBS melalui JBSN telah menjadikan Majlis Belia Malaysia yang telah ditubuhkan semenjak 1948 sebagai rakan kongsi utama dalam gerakan kerja pembangunan belia di negara ini. Untuk itu melalui Akta pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 telah mengiktirafkan MBM sebagai pertubuhan induk belia di negara ini dan kebanyakan program pembangunan belia sepanjang 50 tahun kemerdekaan ini telah dijalin secara bersama antara pihak KBS dan MBM bagi memastikan bahawa hubungan harmoni antara kerajaan dan pertubuhan belia terjalin mesra. Usaha koordinasi dan jaringan hubungan kerjasama ini diperkukuhkan dengan perwujudan Majlis Perundangan Belia Negara pada tahun 1971.

3. Polisi Pembangunan Belia

3.1 Dasar Pembangunan Belia Negara

Memperakui peranan besar golongan belia dalam mengisi wawasan negara dan menyedari hakikat perlunya agenda pembangunan belia dirancang secara bersepadu lagi menyeluruh berdasarkan kepada keperluan dan permasalahan yang wujud mengikut lapangan pembangunan belia secara khusus, kerajaan menerusi KBS telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Belia Negara pada tahun 1985 sebelum dikemaskinikan pada tahun 1997.

Dasar ini adalah sangat penting kerana menjadi dokumen pertama secara rasminya memberi takrifan belia di Malaysia adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dan telah menggariskan matlamat pembangunan belia yang lebih berfokus dan jelas. Menurut kenyataan Dasar Pembangunan Belia, matlamat utama pembangunan belia ialah untuk :

"Mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhliah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari bersemangat sukarela dan patriotik, serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan wawasan 2020".

Bagi mencapai matlamat tersebut Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 telah menggariskan tujuh (7) strategi yang perlu dilaksanakan iaitu:

- i. Pembangunan Ilmu
- ii. Pembentukan Sikap
- iii. Pembangunan Kemahiran dan Keusahawanan
- iv. Pemupukan Gaya Hidup Sihat
- v. Kemudahan Interaksi Sosial
- vi. Perkongsian dan Pembangunan
- vii. Jaringan Hubungan Antarabangsa

Strategi pelaksanaan program pembangunan belia di bawah kenyataan Dasar Pembangunan Belia Negara ini adalah :

- i. Menyediakan program keilmuan dan latihan kepada generasi muda yang dianjurkan bersama oleh agensi sektor awam, swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan.
- ii. Mengukuhkan program pembangunan kepimpinan dan bina sahsiah bagi membina kekuatan diri, institusi kekeluargaan, keagamaan dan kemasyarakatan supaya generasi belia dapat berperanan dengan berkesan.
- iii. Memantapkan program latihan kemahiran, peluang perniagaan dan keusahawanan supaya generasi belia mampu berdikari dan membina kejaya yang cemerlang.
- iv. Mengupayakan pertubuhan belia supaya dapat menarik minat golongan belia dan masyarakat menyokong dan menyertai aktiviti yang dianjurkan.
- v. Menyediakan peluang dan kemudahan kepada golongan belia untuk memajukan diri dalam bidang sosial dan ekonomi.
- vi. Meningkatkan semangat kesukarelaan dan patriotisme melalui kerja-kerja amal, kebajikan dan kemasyarakatan.

- vii. Memberi kefahaman generasi belia tentang konsep persejajatan (globalisasi) dan kepentingan hubungan mereka dengan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan serta jaringan antarabangsa.
- viii. Menyediakan prasarana dan mekanisme yang sesuai bagi kegiatan penyelidikan belia termasuk pemantauan dan penilaian.

3.2 Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional

Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan belia kerana menghargai peranan dan sumbangan mereka di dalam pembangunan negara. Bagi mempersiapkan belia menjadi pewaris yang berwibawa, KBS telah mengatur inisiatif bagi menyediakan satu pelan terperinci untuk pembangunan belia dinegara ini. Tujuan utama KBS menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional adalah untuk mendapatkan komitmen kerajaan dari segi pemantapan dasar dan strategi pembangunan belia. Pelan ini telah disediakan dengan meliputi dua tempoh iaitu (i) menyediakan satu pelan tindakan yang berjangka panjang sehingga tahun 2020 dan (ii) menyediakan pelan tindakan jangka pendek.

Secara jangka pendek pelan tindakan ini akan memberi empat tumpuan utama iaitu pengunggulan Program Rakan Muda, mengupayakan pertubuhan belia, menangani keperluan golongan belia tidak berpersatuan dan memantapkan keupayaan KBS. Secara jangka panjang pula, pelan ini mempunyai sebelas Teras Pembangunan Belia iaitu:

- i. Teras Pembangunan Ekonomi
- ii. Teras Pembangunan Sumber Manusia Teras Program Rakan Muda
- iii. Teras Pembangunan Sosial (Nilai) Teras Sistem Penyampaian
- iv. Teras Peranan Media dan Komunikasi
- v. Teras Peranan Pertubuhan Belia
- vi. Teras Pembangunan Belia Tidak Berpersatuan Teras Pembangunan Kepimpinan
- vii. Teras Penyelidikan dan Pembangunan
- viii. Teras Politik dan Integrasi Nasional

Kenyataan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Belia ini telah memberikan implikasi yang sangat besar dalam usaha pembangunan belia di negara ini kerana

ianya merupakan satu dasar dan pelan yang sangat komprehensif khususnya bagi membangunkan generasi belia negara berasaskan kepada realiti semasa kini. Ini kerana golongan belia masa kini berdepan dengan berbagai masalah yang sangat membimbangkan masyarakat dan kerajaan dan jika tidak dipantau dan dijana program-program pembangunan yang berkesan hasrat serta inspirasi kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang dikhuatiri akan terjejas. Untuk itu, dasar dan pelan tindakan ini telah banyak membantu KBS dalam merencana program-program berkesan yang merangkumi semua golongan sasaran berdasarkan kepada strategi dan teras pembangunan yang dikenalpasti.

Dengan berpandukan kepada kedua-dua pelan tindakan ini, usaha pembangunan belia akan lebih terarah dan akhirnya akan mencapai matlamat yang telah digariskan dalam pelan tindakan berkenaan. Dengan itu, program pembangunan belia akan lebih terancang secara sistematik dan akan menghasilkan output positif yang diinginkan oleh negara.

4. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia

Bagi tujuan untuk memastikan bahawa proses pembangunan belia di negara ini akan dapat dijalankan dengan lebih terancang, teratur dan sistematik. Kerajaan telah memutuskan untuk mengubal Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia. Antara lain akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dan telah mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ini bertujuan untuk mengerak potensi serta peranan pertubuhan belia di negara ini dan juga memperkemas dan memantapkan struktur dan sistem penyampaian pembangunan belia sedia ada.

Akta ini juga akan memberi takrifan yang jelas tentang golongan umur yang dikategorikan sebagai belia dan harus disedari bahawa undang-undang khusus mengenai pertubuhan belia dan pembangunan belia belum wujud lagi di negara ini bahkan juga di negara-negara lain. Ini membuktikan betapa kerajaan amat prihatin dan mengambil berat mengenai pembangunan golongan belia di negara ini.

Akta ini juga dilihat perlu dalam usaha untuk memperkasa pertubuhan belia supaya mampu menarik lebih ramai golongan muda bergiat aktif dalam pertubuhan belia. Akta ini juga dilihat penting untuk memastikan bahawa pertubuhan belia tetap relevan dalam pembangunan negara menerusi suatu sistem pengurusan dan pemantauan yang lebih teratur.

Selain itu akta ini juga akan dapat membantu dalam menggerakkan agenda pembangunan belia agar lebih bersepadu, selaras dan bersinergi dengan memberi

penekanan terhadap pengurusan pembangunan belia yang berasaskan proses perundingan menyeluruh serta pendekatan pembangunan belia berasaskan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D).

5. Cabaran Pembangunan Belia

Sepanjang 50 tahun kemerdekaan program-program pembangunan belia boleh ditegaskan sebagai berjaya. 50 tahun merdeka juga telah banyak mengubah hidup kita. Pembangunan negara telah menghasilkan kemunculan golongan kelas menengah yang dahulunya adalah anak-anak petani, nelayan dan penoreh getah. Hari ini hidup kita telah banyak berubah jika dibandingkan dengan keadaan hidup kita di masa yang lalu. Belia hari ini terutama mereka yang di bawah umur 37 tahun adalah belia generasi pasca Dasar Ekonomi Baru yang telah banyak menyumbang kepada pembentukan kelas menengah ini. Selain daripada itu, sama ada kita sedar atau tidak generasi pemimpin hari ini adalah penerima kesan sama secara langsung ataupun tidak langsung daripada kepelbagaian program pembangunan belia yang telah dianjurkan semenjak awal merdeka hinggalah kini.

5.1 Program Pembangunan Belia

Cabaran utama pembangunan belia adalah untuk memastikan keberkesanan setiap program yang dianjurkan. Kita perlu akui bahawa keberkesanan program pembangunan belia bukan bersandar kepada kuantiti tetapi kualiti program. Untuk itu, banyak perubahan telah berlaku dalam usaha pembangunan belia. Psikologi peribadi dan persekitaran kehidupan belia telah banyak mengalami perubahan. Gaya hidup dan citarasa mereka juga telah berubah. Begitu juga dengan pengisian masa lapang mereka. Selaras dengan itu, pembangunan belia Malaysia mesti melalui perubahan paradigma jika ia ingin membawa kesan dan perubahan yang signifikan kepada masa depan belia dinegara ini.

Program pembangunan belia perlu dilihat dalam konteks penawaran dan permintaan. Sesuatu program mesti dilakukan berdasarkan kepada permintaan iaitu mempunyai kaitan dengan permasalahan belia setempat sama ada mengatasi salah laku ataupun merealisasikan potensi belia itu sendiri. Kesan yang optimum dari segi pulangan pelaburan akan berlaku jika penawaran program sesuai dengan permintaan program.

Pembangunan belia akan menjadi lebih kompleks dan memerlukan suntikan profesionalisme dalam usaha menguruskannya. Isu-isu pembangunan belia

semakin kompleks kerana ia perlu menangani pelbagai isu daripada isu pembangunan sendiri individu belia, pengangguran dan pengisian masa lapang, sehinggalah kepada isu alam sekitar dan globalisasi yang akan melibatkan golongan belia.

Peningkatan profesionalisme di kalangan penggerak pembangunan belia mestilah berlaku. Setiap penggerak terbabit harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran tertentu yang khusus untuk memastikan mereka berkesan untuk merancang, melaksana dan menilai program yang disasarkan kepada golongan belia. Tindakan ini harus dilakukan kerana dahulu pelaburan modal insan belia tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan kemahiran asas untuk membolehkan belia mendapat pekerjaan dan beroleh pendapatan. Kini cabaran pembangunan modal insan belia bukan sahaja mengenai latihan dan pekerjaan dan pendapatan bahkan negara memerlukan modal insan yang berintegriti, memiliki indentiti diri, berdaya saing dalam persaingan global dan juga setia kepada negara.

Selain itu, sudah tiba masanya pembangunan belia di Malaysia terbabit sama dengan isu-isu pembangunan belia di peringkat global contohnya di peringkat PBB, isu pembangunan belia jelas tercatat dalam *World Programme of Action for Youth*. Selain itu, pembangunan belia di Malaysia juga terikat untuk merealisasikan matlamat yang telah disasarkan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Selia Nasional.

Antara usaha-usaha yang boleh dizahirkan dalam program pembangunan belia khususnya bagi mendepani cabaran masa depan adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan belia dengan persekitaran yang selamat dan penuh sokongan;
- ii. Merapatkan hubungan antara belia dan orang dewasa yang prihatin yang akan menjadi mentor kepada mereka;
- iii. Membantu belia dengan peluang untuk merealisasikan minat mereka dengan memberi tumpuan kepada kekuatan yang ada pada mereka;
- iv. Membantu belia dalam pembangunan pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai cara;
- v. Melibatkan belia sebagai rakan kongsi dan pemimpin yang aktif untuk memajukan masyarakatnya;
- vi. Menyediakan belia dengan kemudahan untuk menunjukkan rasa keperhatian mereka kepada orang lain dan ahli masyarakatnya;
- vii. Menggalakkan gaya hidup sihat dan pola interaksi sosial yang positif; dan
- viii. Menyediakan jaringan keselamatan (*safety net*) dalam masa apabila

diperlukan.

5.2 Pertubuhan Belia

Dalam usaha untuk menghadapi cabaran baru pembangunan belia, satu persoalan yang perlu dikemukakan adalah sejauhmanakah pertubuhan belia sebagai rakan kongsi. utama KBS berupaya untuk memainkan peranan dengan efektif diperingkat akar umbi. Setakat ini usaha memperkasa persatuan belia dilakukan dengan pemberian bantuan pentadbiran dan juga bantuan melaksanakan program. Usaha ini mungkin membantu persatuan belia terus bergerak tetapi adakah ia boleh menjadi rakan kongsi KBS yang efektif pada masa depan dalam usaha menangani pembangunan belia.

Bagi tujuan menyerlahkan potensi pertubuhan belia, status mereka boleh dianjakkan dengan :

- i. Mengeluarkan pertubuhan belia dari belenggu kelesuan dan menjadikan ia pusat pembangunan belia setempat yang utama. Usaha ini memerlukan penggemblerangan tenaga pelbagai pihak;
- ii. Memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada pertubuhan belia di semua peringkat. Pertubuhan belia dan anggotanya hendaklah dilihat dalam badan-badan yang membuat keputusan. Kehadiran mereka bukan setakat pemerhatian mahupun pekerja sahaja;
- iii. Membantu pertubuhan belia agar aktiviti sentiasa segar dan relevan dengan keperluan belia dan negara dengan mengambil kira pergolakan global. Untuk maksud ini pertubuhan belia perlu diubah konsep penubuhannya dan struktur pengurusan organisasinya;

6. Kesimpulan

Pembangunan belia dalam masa 50 tahun mendatang ini perlu mengalami perubahan bukan sahaja untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 tetapi juga mengejar matlamat menjadi negara terbilang menjelang 2057. Ini kerana menurut Y.A.B Perdana Menteri jika 2020 adalah asas kepada menjadi negara maju, 2057 adalah masa untuk mengangkat Malaysia terbilang dalam pelbagai bidang dan ini sudah semestinya pengurusan dan pembangunan belia adalah merupakan salah satu daripadanya. Oleh itu, untuk menjadi negara terbilang pada 2057 kita mestilah berani mewujudkan budaya untuk melakukan sesuatu dengan cara yang bukan sahaja baik tetapi hendaklah yang terbaik dan untuk itu proses pembangunan belia di negara ini hendaklah juga berupaya menjana program dan seterusnya mengimplementasikan ia dalam corak yang menguji had keupayaan fizikal, minda dan emosi kita. Oleh itu, pembangunan belia mestilah berpaksikan kepada inspirasi negara dan ia tidak boleh dilaksanakan tanpa mempunyai arah dan matlamat yang khusus.